



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 17 SEPTEMBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI TERUS PERKASA KOMUNITI AGROMAKANAN LUAR BANDAR, UTUSAN BORNEO -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	DISKUSI INDUSTRI AGROMAKANAN RUANG INTERAKSI BERSAMA MASYARAKAT, UTUSAN BORNEO -ONLINE	
3.	MANFAATKAN PROGRAM SEMARAK TANI KELUARGA MALAYSIA, HARAKAH DAILY -ONLINE	
4.	PETANI, NELAYAN DIHARAP DAPAT MANFAAT PROGRAM SEMARAK TANI KELUARGA MALAYSIA, BERNAMA -ONLINE	
5.	FISHERMEN, FARMERS SHOULD BENEFIT FROM 'SEMARAK TANI KELUARGA MALAYSIA' PROGRAMME, BERNAMA -ONLINE	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/9/2022	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

MAFI terus perkasa komuniti agromakanan luar bandar



HADIAH: Ronald (dua kanan) menyampaikan hadiah kepada peserta pertandingan memasak pada majlis itu.

BELURAN: Program Semarak Tani Keluarga Malaysia Beluran mampu menjadi platform bagi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk menyantuni kebajikan komuniti nelayan, penternak dan petani di kawasan luar bandar.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr.

Ronald Kiandee berkata, menerusi aktiviti yang dijalankan sepanjang program itu, masyarakat setempat berpeluang menerima pelbagai pendedahan terutama melibatkan bantuan dan dana yang disediakan jabatan serta agensi di bawah MAFI.

Menurutnya, biarpun MAFI banyak melaksanakan pelbagai program sejak sekian lama, namun pendekatan turun padang tidak selalu dapat dijalankan kementerian.

Sehubungan itu katanya, menerusi program seumpama itu, pihaknya dapat melihat keberkesanan secara menyeluruh setiap aktiviti dan program yang disediakan MAFI kepada ketiga-tiga komuniti berkenaan.



PERARAKAN: Seramai 200 nelayan memeriahkan perarakan bot nelayan.

"Kita banyak menerima maklum balas daripada golongan nelayan, petani dan penternak untuk terus menambahbaik program yang dijalankan kementerian agar terus memberi manfaat kepada masyarakat.

"Melalui Program Semarak Tani Keluarga Malaysia ini, ia dapat mengumpulkan komuniti agromakanan di kawasan luar bandar.

"Kita tidak berhenti di sini dan akan terus turun padang bagi menyantuni masyarakat terutama komuniti nelayan, petani dan penternak di seluruh negara bagi memastikan keberkesanan program yang diolah oleh kementerian melalui jabatan dan agensi MAFI," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Program Sembang Santai Nelayan di Dataran Beluran di sini hari ini. Terdahulu Ronald turut melancarkan pelepasan perarakan bot nelayan di Jeti Anjung Muara Beluran.



KENANGAN: Para tetamu jemputan dan masyarakat setempat sempat merakamkan kenangan bersama Ronald (duduk tengah) selepas majlis itu.

Dalam pada itu Ronald berkata, bagi memastikan kebajikan nelayan dan peladang di daerah ini terus terbela, MAFI akan menambah satu Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) di Paitan dan satu lagi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di Telupid.

Katanya, penambahan PNK dan PPK berkenaan kini dalam proses untuk diwujudkan berikutan kawasan Parlimen Beluran yang luas menyebabkan ada dalam kalangan nelayan dan peladang yang tercicir dari mendapat manfaat program yang disediakan kementerian.

"Justeru, kita harapkan penambahan bilangan persatuan untuk daerah Beluran ini, kebajikan masyarakat nelayan dan peladang akan dapat diperjuangkan lebih teliti serta terperinci.

"Masih ramai di kawasan luar dari pekan Beluran ini yang belum mendapat manfaat bantuan sara hidup kerana ada syarat seperti harus menjadi ahli persatuan, mempunyai lesen perikanan dan mendaftar sebagai penerima bantuan sara hidup.

"Kesemua ini perlu dilakukan secara pentadbiran dan persatuan yang berfungsi dalam satu kawasan luas, tentu sekali akan ada nelayan yang tercicir," jelasnya.

Menurutnya, dengan adanya PNK dan PPK baharu nanti, lebih ramai dalam kalangan peladang dan nelayan yang dapat disantuni secara dekat terutama melibatkan manfaat program MAFI.

Selain itu jelasnya, MAFI juga akan terus menyantuni masyarakat luar bandar, bukan sahaja di kawasan Parlimen Beluran tetapi turut membabitkan kawasan Parlimen luar bandar yang lain.

Pada majlis itu, seramai 200 nelayan membabitkan 100 bot dari 32 kampung menyertai perarakan bot nelayan bermula dari Kampung Air dan Keramat ke Jeti Anjung Muara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/9/2022	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Diskusi Industri Agromakanan ruang interaksi bersama masyarakat



DISKUSI: Ronald (tengah) bersama ahli panel yang menjayakan Program Diskusi Industri Agromakanan.

BELURAN: Diskusi Industri Agromakanan anjuran Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sempena Program Semarak Tani Keluarga Malaysia Beluran buka peluang interaksi bersama

masyarakat setempat.

Program berkenaan diadakan di tapak tamu di sini hari ini dengan menampilkan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee sebagai salah seorang ahli panel.

Beliau bersama ahli panel yang lain berpeluang membicarakan mengenai program-program pembangunan, dasar-dasar semasa dan pelaksanaan program semasa serta akan datang untuk daerah Beluran.

Ronald berkata, menerusi diskusi seumpama itu, kementeriannya dapat menerima maklum balas komuniti agromakanan serta pandangan terhadap impak pelaksanaan dasar dan pendekatan kerajaan.

Pada masa sama katanya, program itu turut memberikan keyakinan kepada komuniti agromakanan terhadap komitmen serta usaha-usaha berterusan kerajaan bagi meningkatkan pendapatan serta taraf hidup masyarakat.

"Masyarakat setempat berpeluang bertanya dan berinteraksi secara terus kepada agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengenai program dan projek pembangunan yang sudah dilaksanakan serta yang masih dalam proses serta akan dibangunkan bagi tahun semasa dan akan datang di Beluran," jelasnya.

Ahli panel lain yang menyertai Diskusi Industri Agromakanan itu termasuk Ketua Pengarah LPP Datuk Azulita Salim; Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Yusoff Othman dan Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Datuk Zainal Abidin Yang Razali.

Selain program diskusi, turut diadakan aktiviti MAFI Prihatin, My Best Buy, Kenduri Rakyat, dan Karnival Sukan Piala Peladang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/9/2022	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Manfaatkan program Semarak Tani Keluarga Malaysia



Foto daripada Facebook Dr Ronald Kiandee.

BELURAN: Masyarakat tani dan nelayan diharap dapat memanfaatkan inisiatif kerajaan seperti Program Semarak Tani Keluarga Malaysia untuk meningkatkan tahap sosioekonomi masing-masing.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata kerajaan

sentiasa memikirkan pembangunan rakyat termasuk di luar bandar dalam aktiviti industri hiliran, tanaman dan ternakan serta perikanan.

“Banyak peluang yang diolah oleh kementerian dan kerajaan namun tidak ramai yang mendapat manfaat secara langsung sebab itu kita turun padang dan maklumkan mengenai peluang, dana dan program kementerian bagi manfaat komuniti nelayan, penternak dan petani di kawasan luar bandar,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Program Sembang Santai Nelayan bersama Menteri Pertanian dan Industri Makanan anjuran Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia hari ini yang merupakan antara aktiviti Program Semarak Tani Keluarga Malaysia di Beluran.

Ahli Parlimen Beluran itu berkata pihaknya melalui agensi berkaitan akan mewujudkan Persatuan Nelayan Kawasan di Paitan dan Pertubuhan Peladang Kawasan di Telupid bagi memastikan tidak ada nelayan, petani atau peladang tercicir daripada menikmati pelbagai bantuan serta kemudahan kerajaan.

Pelbagai aktiviti dianjurkan sepanjang Program Semarak Tani Keluarga Malaysia itu yang bermula hari ini dan berakhir esok, antaranya gerai pameran dan jualan, forum agropreneur muda, seminar kewangan dan rancangan perniagaan, perarakan bot nelayan serta persembahan hiburan yang menampilkan penyanyi terkenal Amy Search. – **BERNAMA**



AM

Petani, nelayan diharap manfaat program semarak tani Keluarga Malaysia



17/09/2022 08:38 PM

BELURAN, 17 Sept (Bernama) – Masyarakat tani dan nelayan diharap dapat memanfaatkan inisiatif kerajaan seperti Program Semarak Tani Keluarga Malaysia untuk meningkatkan tahap sosioekonomi masing-masing.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Klandee berkata kerajaan sentiasa memikirkan pembangunan rakyat termasuk di luar bandar dalam aktiviti industri hiliran, tanaman dan temakan serta perikanan.

"Banyak peluang yang diolah oleh kementerian dan kerajaan namun tidak ramai yang mendapat manfaat secara langsung sebab itu kita turun padang dan maklumkan mengenai peluang, dana dan program kementerian bagi manfaat komuniti nelayan, penternak dan petani di kawasan luar bandar," katanya.





Bellau berkata demikian kepada pemberita di Program Sembang Santai Nelayan bersama Menteri Pertanian dan Industri Makanan anjuran Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia hari ini yang merupakan antara aktiviti Program Semarak Tani Keluarga Malaysia di Beluran.

Ahli Parlimen Beluran itu berkata pihaknya melalui agensi berkaitan akan mewujudkan Persatuan Nelayan Kawasan di Paitan dan Pertubuhan Peladang Kawasan di Telupid bagi memastikan tidak ada nelayan, petani atau peladang tercicir daripada menikmati pelbagai bantuan serta kemudahan kerajaan.

Pelbagai aktiviti dianjurkan sepanjang Program Semarak Tani Keluarga Malaysia itu yang bermula hari ini dan berakhir esok, antaranya gerai pameran dan jualan, forum agropreneur muda, seminar kewangan dan rancangan perniagaan, perarakan bot nelayan serta persembahan hiburan yang menampilkan penyanyi terkenal Amy Search.



- BERNAMA





GENERAL

Fishermen, farmers should benefit from 'Semarak Tani Keluarga Malaysia' programme



17/09/2022 07:39 PM

BELURAN, Sept 17 (Bernama) – The farming and fishing communities are encouraged to take advantage of government programmes such as the 'Semarak Tani Keluarga Malaysia' Programme to improve their respective socioeconomic status.

Minister of Agriculture and Food Industries (MAFI) Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the government is always thinking about the development of the people, including in the rural areas in downstream industries like crops, livestock as well as fishing activities.

"Many opportunities have been generated by the ministry and government, but not many benefit directly.



"That is why we (MAFI) are going to the ground to disseminate information about opportunities, funds and programmes run by the ministry for the benefit of the fishing community, breeders and farmers in rural areas," he told reporters at the Fishermen's 'Sembang Santai' Programme with the Minister of Agriculture and Food Industries organised by the Malaysian Fisheries Development Authority (LKIM) here today.

The programme is one of the activities of the 'Semarak Tani Keluarga Malaysia' programme in Beluran.

Ronald, who is also Beluran Member of Parliament added that his ministry through related agencies will set up another Paitan Area Fishermen's Association (PNK) and another Telupid Area Farmers Organisation (PPK) in the Beluran parliamentary constituency to ensure that there are no fishermen or farmers left out from enjoying various government assistance and facilities.



"Looking at the vast area of Beluran, we hope that the new PNK and PPK can help the government to champion the welfare of fishermen and farmers more comprehensively," he said.

Various activities are held at the 'Semarak Tani Keluarga Malaysia' Programme from today to tomorrow, including exhibition and sales stalls, a young agropreneur forum, financial seminars and business plans, fishing boat parades and entertainment performances, where rocker Amy Search will entertain the visitors.

- BERNAMA

